

PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH
PENGURUSAN
DAN
PROFESIONAL**



**PEGAWAI
PENGUAT KUASA
GRED KP41**

**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN
DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN)**

Kekosongan : 3

Simpanan : 10

1. Syarat Lantikan

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) memiliki:
 - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Perikanan, Pertanian, Hortikultur, Pemakanan atau Teknologi Makanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah Ilmu Perubatan Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa di MAQIS adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
(ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. Keperluan Bidang (Ditetapkan oleh Jabatan)

- Agroindustri Tanaman;
- Agroindustri Ternakan Rumina;
- Agroteknologi;
- Agroteknologi (Akuakultur);
- Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai);
- Akuakultur;
- Bioteknologi Makanan;
- Bioteknologi Pertanian;
- Bioteknologi Tumbuhan;
- Entomologi;
- *Food Manufacture, Management & Marketing*;
- Hortikultur dan Landskap;
- Kaji Haiwan (*Zoology/Animal Science*);
- Kesihatan Haiwan dan Penternakan;
- Pemprosesan dan Kawalan Mutu Makanan;
- Pemprosesan Makanan (Pengeluaran);
- Pendidikan (Sains Pertanian);
- Pengajian Makanan;
- Pengurusan Dan Perkhidmatan Makanan Halal;
- Pengurusan Inst. & Penyediaan Makanan;
- Pengurusan Ladang;
- Pengurusan Perkhidmatan Makanan;
- Pengurusan Pertanian;
- Perikanan;
- Pertanian/ Sains Pertanian;
- Perubatan Veterinar (*Veterinar Medicine*);
- Sains (Akuakultur);
- Sains (Biologi Haiwan);
- Sains Gunaan (Perikanan);
- Sains Haiwan dan Penternakan;
- Sains Hortikultur;

- Sains Pertanian (Pengeluaran Ternakan);
- Sains Tumbuhan & Tanah;
- Teknologi Hortikultur Agroteknologi;
- Teknologi Industri (Teknologi Makanan);
- Teknologi Makanan;
- Teknologi Makanan dan Bioproses;
- Veterinar;
- Agro Business;
- Biologi Akuatik;
- Biologi Molekul;
- Botani;
- Ekonomi Pertanian;
- Ekonomi Pertanian dan Sumber Alam;
- Perkhidmatan Makanan;
- Perniagaan tani;
- Sains (Sains Makanan);
- Sains Bioindustri; atau
- Sains Makanan dan Pemakanan.

5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah memperoleh kelayakan/ kelulusan ijazah sarjana muda kepujian atau Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau Ijazah Ilmu Perubatan Veterinar yang telah diiktiraf oleh senat universiti/ jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

6. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut:
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-penguatkuasa-gred-kp41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **5 September 2021 (Ahad), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA ONLINE DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM